



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

---

**PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2016**

---

**KEMUDAHAN RAWATAN PERGIGIAN KEPADA PEGAWAI LPP**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan dan penambahbaikan ke atas Perenggan 8.5 Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 5 Tahun 1990 (Peraturan – Peraturan Perubatan Lembaga Pertubuhan Peladang), Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 1991 (Kemudahan Rawatan Pergigian) dan Perenggan 3.15.2 Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2001 (Langkah – Langkah Membelanja, Mengawal dan Menjimat Perbelanjaan Lembaga Pertubuhan Peladang) mengenai Kemudahan Rawatan Pergigian Kepada Pegawai LPP.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Perenggan 8.5 Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 5 Tahun 1990 menyatakan *“Pegawai dibenarkan mendapat rawatan pergigian daripada klinik pergigian dengan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dari masa ke masa”*.
- 2.2 Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 1991 menerangkan kelayakan, syarat dan kadar rawatan pergigian.

- 2.3 Perenggan 3.15.2 Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2001 menerangkan mengenai kadar imbuhan semula kos rawatan sebanyak RM30.00.

### 3. TAKRIF

- 3.1 “**Lembaga**” ertinya Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 ;
- 3.2 “**Ketua Jabatan**” ertinya Ketua Pengarah atau Pengarah Bahagian (Termasuk Pengarah Unit Integriti, Ketua Cawangan Audit Dalam, Ketua Cawangan Undang – Undang) atau Pengarah LPP Negeri ;
- 3.3 “**Anggota**” ertinya anggota atau penjawat yang menyandang jawatan tetap atau sementara atau kontrak yang berkhidmat dengan Lembaga Pertubuhan Peladang ;
- 3.4 “**Klinik Pergigian**” ertinya mana – mana klinik pergigian kerajaan atau swasta yang berdaftar mengikut undang – undang berkenaan yang menjalankan perniagaan yang sah.

### 4. SYARAT DAN KADAR RAWATAN PERGIGIAN

- 4.1 Kemudahan rawatan ini **HANYA** diberikan kepada anggota sahaja.
- 4.2 Jenis – jenis rawatan pergigian yang diluluskan adalah :
- i) Menampal Gigi
  - ii) Mencabut Gigi
  - iii) Rawatan Sakit Gigi

- 4.3 Rawatan pergigian ini boleh diperolehi oleh anggota daripada mana – mana klinik pergigian.
- 4.4 Kadar maksimum yang diluluskan untuk rawatan adalah sebanyak **RM100.00** sahaja dalam satu resit. Anggota dikehendaki mendahulukan bayaran rawatan tersebut dan resit rawatan hendaklah dikumpul (sekiranya lebih dari satu rawatan dalam sebulan) dan diserahkan selewat – lewatnya pada akhir bulan.
- 4.5 Tuntutan yang tidak dikemukakan dalam tempoh seperti perenggan 4.4 diatas tidak akan dilayan kecuali pegawai dapat mengemukakan sebab – sebab bertulis dengan memberi alasan yang munasabah dan diluluskan oleh Ketua Jabatan.

## 5. TATACARA TUNTUTAN

- 5.1 Tuntutan bagi rawatan pergigian yang telah dilaksanakan boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tuntutan Rawatan Biasa yang sedia ada seperti di **LAMPIRAN A**.

## 6. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 6.1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk :
- i) Meluluskan permohonan pembiayaan kos rawatan pergigian dengan nilai maksimum RM100.00 bagi setiap rawatan / resit. Kuasa meluluskan permohonan tuntutan adalah seperti berikut :

BIL	JUMLAH PEMBIAYAAN	KUASA MELULUS	PENERIMA RAWATAN
1.	RM1 HINGGA RM100	1. Pengarah Bahagian / Unit 2. Pengarah LPP Negeri 3. Ketua Cawangan Audit Dalam 4. Ketua Cawangan Undang - Undang	Anggota LPP Sahaja

## 7. PEMBATALAN

7.1 Dengan kelulusan Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2016 mengenai Kemudahan Rawatan Pergigian Kepada Pegawai LPP ini, **maka** Perenggan 8.5 Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 5 Tahun 1990 (Peraturan – Peraturan Perubatan Lembaga Pertubuhan Peladang), Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 1991 (Kemudahan Rawatan Pergigian) dan Perenggan 3.15.2 Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2001 (Langkah – Langkah Membelanja, Mengawal dan Menjimatkan Perbelanjaan Lembaga Pertubuhan Peladang) mengenai Kemudahan Rawatan Pergigian Kepada Pegawai LPP adalah **dibatalkan**.

**8. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Ketua Pengarah ini adalah berkuatkuasa mulai **01 Mac 2016**.

Sekian, terima kasih.



**(DATO' HJ. MOHD SALIM BIN HJ.TAHA)**  
Ketua Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang

**22** Mac 2016

**Edaran Kepada :**

- Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
- Timbalan Ketua Pengarah Operasi
- Pengarah – Pengarah Bahagian
- Pengarah Unit Integriti
- Pengarah – Pengarah LPP Negeri
- Ketua Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang – Undang
- Presiden Persatuan Pegawai – Pegawai Kanan LPP Semenanjung Malaysia (PEKA)
- Yang Dipertua Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Ehwai Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KEPELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Pembantu Ehwai Ekonomi LPP Semenanjung Malaysia (KELADANG)
- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Akaun/Audit Semenanjung Malaysia (KESADA)

**LPP(A)5/10 Jld.19 ( 22 )**

- Yang Dipertua Kesatuan Kakitangan Pentadbiran LPP Semenanjung Malaysia (KETADBIR)
- Yang Dipertua Kesatuan Jurutera LPP Malaysia (KETEKNIK)



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**  
**TUNTUTAN RAWATAN PERUBATAN BULAN ..... TAHUN .....**  
 (BAGI RAWATAN BIASA BERNILAI TIDAK MELEBIHI RM60.00 PADA SETIAP RAWATAN)  
 (BAGI RAWATAN PERGIGIAN BERNILAI TIDAK MELEBIHI RM100.00 PADA SETIAP RAWATAN)

Nama :	No. Pekerja :	:
Bahagian :	Jawatan :	:
No. Akaun Bank :	Ibu Pejabat :	:
Alamat Rumah :	Gred :	:

**KENYATAAN TUNTUTAN**

TARIKH RAWATAN	NAMA PESAKIT, STATUS DAN KLINIK	NO. KP/ SIJIL LAHIR	UMUR	NO. RESIT	NILAI RESIT (RM)	KELAYAKAN TUNTUTAN (RM)
<b>JUMLAH : (Ringgit:</b>						

Saya mengaku bahawa perbelanjaan tersebut adalah benar untuk diri/ tanggungan saya.

Tarikh :

.....  
Tandatangan

**PERAKUAN OLEH KETUA CAWANGAN BAHAGIAN/KETUA CAWANGAN LPP NEGERI**

Ketua Pengarah  
Lembaga Pertubuhan Peladang

Tuntutan di atas adalah disokong/tidak disokong.

Tarikh :

.....  
Tandatangan & Cop Jawatan

**KELULUSAN OLEH PENGARAH BAHAGIAN/PENGARAH (LPP NEGERI)**

Permohonan pegawai di atas adalah diluluskan sebanyak RM...../tidak diluluskan.

Tarikh :

.....  
Tandatangan

